KETUA SETIAUSAHA
(SECRETARY GENERAL)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA

Telefon : 603 - 8891 2051
Telefax : 603 - 8888 2302
Web : http://www.rurallink.gov.my

Semua Ketua Pengarah Jabatan
Semua Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah
Semua Setiausaha Bahagian
Pengarah INFRA
Semua Ketua Unit
Semua Pengarah Pejabat Cawangan Negeri (PCN)

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BILANGAN 2 TAHUN 2014

GARIS PANDUAN PEROLEHAN KERJA REQUISITION SECARA UNDIAN KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan prosedur dan tatacara yang perlu dipatuhi dan diberi perhatian dalam pelaksanaan perolehan kerja requisition bernilai melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 secara undian oleh semua Jabatan/Agensi/Bahagian di Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLLW)

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini tiada kaedah seragam ditetapkan oleh Kementerian bagi pelaksanaan perolehan kerja-kerja requisition melebihi RM20,000 hingga RM50,000 dan menimbulkan kekeliruan di kalangan pegawai projek.

3. Sebagai langkah penambahbaikan dan bagi melancarkan pelaksanaan kerja-kerja requisition di semua Jabatan/Bahagian di bawah Kementerian maka garis panduan ini diwujudkan bagi menyeragamkan pelaksanaan perolehan kerja secara undian.

PEROLEHAN KERJA REQUISITION

4. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 180.1, Kementerian Kewangan telah menetapkan bahawa bagi kerja-kerja kecil dan penambahbaikan yang tidak mengubah struktur asal yang bernilai tidak melebihi RM50,000 boleh dipelawa secara requisition dengan menggunakan Jadual Kadar Harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia.

5. Kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor kerja yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra (STB) dengan Gred G1, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.**

6. Kerja yang bernilai melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 pemilihan kontraktor boleh dibuat secara adil melalui **undian dan pusingan** di kalangan kontraktor kerja yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja**

Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputra (STB) dengan Gred G1, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

7. Tempoh pusingan kerja adalah setahun di mana kontraktor yang Berjaya ditawarkan kontrak kerja bagi tahun semasa tidak layak ditawarkan kontrak kerja yang kedua dan seterusnya pada tahun yang sama.

TATACARA PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN

8. Tatacara Perolehan Kerja Secara Undian adalah seperti berikut:

i. Jenis kerja dan skop yang hendak dibuat secara kaedah undian hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 180.1 (a) dan (c) iaitu bagi nilai kerja melebihi RM20,000 tetapi tidak melebihi RM50,000. Harga boleh diperolehi daripada Jadual Kadar Harga (JKH) dan skop kerja adalah kerja-kerja kecil dan pembaikan yang tidak mengubah struktur asal. Sekiranya skop kerja melibatkan kerja-kerja kecil dan mengubah struktur asal, kebenaran daripada Jabatan Teknik hendaklah diperolehi terlebih dahulu berdaraskan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1998.

ii. Kos kerja disediakan berdasarkan kepada Jadual Kadar Harga Jabatan Kerja Raya (JKR) yang masih berkuat kuasa.

iii. Kelulusan Pemegang Waran/Ketua Agensi/Bahagian hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum melaksanakan kerja secara undian.

iv. Notis tawaran kerja secara kaedah un dian disedia dan ditampal di papan kenyataan Jabatan/Agensi/Pejabat KKLW Cawangan Negeri masing-masing bagi menjemput kontraktor Gred G1 memasuki undi.

v. Buku rekod dan borang untuk pendaftaran disediakan bagi mencatat kontraktor yang menghadiri taklimat dan sesi undian.

vi. Pengundian dibuat dalam dua peringkat iaitu peringkat Pendaftaran dan Peringkat Pengundian.

vii. Peringkat Pendaftaran dilaksanakan seperti berikut:

a. Pendaftaran kontraktor dibuka dalam tempoh satu jam.

b. Semasa pendaftaran sijil asal Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) hendaklah dikemukakan. Hanya pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti dalam sijil pendaftaran PKK sahaja dibenarkan untuk mewakili kontraktor dalam proses pengundian.

c. Selepas pendaftaran ditutup, taklimat mengenai projek/kerja akan diberikan kepada kontraktor mengikut daerah di mana projek akan dilaksanakan.

d. Kontraktor yang layak dan berminat dengan projek/kerja berkenaan perlu mendaftar untuk ke Peringkat Pengundian.

viii. Peringkat Pengundian dilaksanakan seperti berikut:

a. Kontraktor yang berminat dan mendaftar diberi nombor mewakili syarikat masing-masing mengikut yang dahulu didahulukan. Nombor berkenaan dicatatkan dalam suatu daftar yang disediakan oleh pihak urus setia.

b. Sediakan bola ping-pong yang bernombor. Bilangan bola ping-pong yang diperlukan adalah berdasarkan kepada bilangan kontraktor yang layak dan berminat menyertai undi. Medium lain yang bersesuaian selain dari bola ping pong juga boleh digunakan asalkan memenuhi objektif yang sama.

c. Sediakan peti undi yang kosong dan pamerkan kepada semua kontraktor yang hadir. Masukkan bola ping-pong yang bernombor ke dalam peti undi.

d. Proses undian dibuat mengikut turutan projek/kerja berdasarkan notis pelawaan yang dikeluarkan.

e. Proses undian projek/kerja pertama dimulakan oleh pegawai Jabatan/Agensi/Pejabat KKLW Cawangan Negeri.

f. Nama kontraktor yang berjaya dalam undian pertama dimaklumkan dan direkodkan oleh urus setia.

g. Kontraktor yang berjaya dalam undian pertama akan diminta untuk mencabut undi bagi projek/kerja kedua dan kontraktor yang berjaya dalam undian bagi projek/kerja kedua akan diminta untuk mencabut undi bagi projek/kerja ketiga dan seterusnya sehingga semua projek/kerja selesai diundi.

h. Proses undian diteruskan bagi kontraktor simpanan bagi semua projek/kerja dengan cabutan dibuat oleh pegawai Jabatan/Agensi/Pejabat KKLW Cawangan Negeri sahaja. Kontraktor yang berjaya dimaklumkan dan direkodkan oleh urus setia. Surat pengesahan kontraktor simpanan dikeluarkan oleh urus setia kepada kontraktor yang berjaya.

i. Inden kerja hendaklah dikeluarkan secepat mungkin tidak lewat dari tempoh tiga hari bekerja kepada kontraktor–kontraktor yang berjaya.

j. Setiap kontraktor yang berjaya hendaklah menyatakan persetujuan penerimaan tawaran kerja dalam tempoh 14 hari dari tarikh inden kerja dikeluarkan.

k. Kontraktor mesti memula dan menyiapkan kerja dalam tempoh yang dinyatakan dalam inden kerja.

l. Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan, inden kerja hendaklah dibatalkan dan kontraktor berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan AP184.1 (e) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2010 dan tidak dibenarkan menyertai mana-mana perolehan kerja di bawah KKLW. Kontraktor simpanan yang telah berjaya dalam undian akan dilantik menggantikan kontraktor berkenaan untuk melaksanakan projek/kerja tersebut.

m. Kontraktor simpanan layak menyertai undian kerja seterusnya selagi mana tidak dilantik dalam mana-mana projek/kerja melalui kaedah undian di bawah Jabatan/Agensi/Pejabat KKLW Cawangan Negeri sebelum ini.

n. Sebarang penyimpangan dari tatacara perolehan kerja secara undian yang ditetapkan hendaklah dirujuk kepada Bahagian Perolehan KKLW terlebih dahulu untuk pandangan dan keputusan.

JAWATANKUASA PELAKSANA PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN

9. Bagi tujuan mengurus dan mengawal selia pelaksanaan perolehan kerja secara undian, suatu jawatankuasa hendaklah ditubuhkan dengan ketetapan seperti berikut:

Pengerusi	:	Pegawai Gred 41 dan ke atas
Ahli Jawatankuasa	:	i. Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas
		ii. Juruteknik Gred J17 dan ke atas

10. Pelantikan penama bagi jawatankuasa yang berkenaan hendaklah dibuat boleh Ketua Bahagian/Unit/Seksyen yang melaksanakan perolehan berkenaan secara bertulis.

PEMAKAIAN PEKELILING UNTUK KONTRAKTOR SABAH DAN SARAWAK

11. Kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) masih tertakluk kepada peraturan dan garis panduan pendaftaran kontraktor sedia ada.

12. Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA dan UPKJ serta mempunyai PPK yang dikeluarkan oleh CIDB boleh dipelawa bersama-sama kontraktor yang mempunyai PPK dan SPKK untuk menyertai perolehan kerja secara kaedah undian yang menggunakan peruntukan Kementerian.

KUATKUASA

13. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKLW Bilangan 2 Tahun 2014 ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya diluluskan. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeliling lain yang berkaitan ya ng berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

DATO' IBRAHIM BIN MUHAMAD

Tarikh : 21 Januari 2014
Rujukan : KKLW.PER.100-4/5 Klt 2